

TEKS UCAPAN

YB DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL

MENTERI

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM
NEGERI &**

HAL EHWAL PENGGUNA

MAJLIS PELANCARAN HALFEST GIANT 2018

3 SEPTEMBER 2018 (ISNIN)

MINES EXHIBITION CENTRE (MIECC)

SERI KEMBANGAN, SELANGOR

BISMILAH...

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS,

- **YANG AMAT MULIA DATO' SERI TUNKU NAQUIYUDDIN IBNI
TUANKU JA'AFAR
PENGERUSI, GCH RETAIL (MALAYSIA) SDN BHD**
- **MR PIERRE-OLIVIER DEPLANK
PENGARAH URUSAN, MALAYSIA & BRUNEI,
GCH RETAIL (MALAYSIA) SDN BHD**
- **YBHG. DATO' MOHD SHUKRI ABDULLAH
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,
SHAPERS (MALAYSIA) SDN BHD**
- **KETUA-KETUA AGENSI**
- **KETUA-KETUA BAHAGIAN KPDNHEP**
- **PEGAWAI-PEGAWAI DARI GIANT HYPERMARKET DAN
SEKRETARIAT HALFEST GIANT 2018**

- **USAHAWAN-USAHAWAN IKS**
- **RAKAN-RAKAN MEDIA**
- **YBHG. DATO'-DATO', TUAN-TUAN, PUAN-PUAN DAN PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN**

**SYUKUR KE HADRAT ALLAH KERANA DENGAN IZIN-NYA
DAPAT KITA BERKUMPUL DI MAJLIS PELANCARAN
HALFEST GIANT 2018 YANG DIANJUR BERSAMA OLEH
GIANT HYPERMARKETS DAN SHAPERS MALAYSIA SDN BHD.**

**SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA PIHAK PENGANJUR DI ATAS
USAHA MURNI BERKOLABORASI BERSAMA DALAM
PENGANJURAN EKSPLO HALAL YANG TERBESAR DI MALAYSIA.
JUGA MENJADI PLATFORM YANG BAIK BUAT PARA PENGUSAHA
INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) UNTUK MEMPROMOSI
DAN MENJUAL PRODUK-PRODUK HALAL MEREKA .**

**INI ADALAH SATU PLATFORM YANG BAIK UNTUK PARA
PENGUSAHA INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) UNTUK
MEMPROMOSI DAN MENJUAL PRODUK-PRODUK HALAL TERUS
KEPADA GOLONGAN SASAR. EKSPLO SEBEGINI JUGA MAMPU
MENJADI BATU LONCATAN BAGI MEMPERLUASKAN PASARAN**

MEREKA KE PERINGKAT LEBIH TINGGI DI NEGARA MAHUPUN DI PERINGKAT ANTARABANGSA.

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

PIHAK KPDNHEP SEMEMANGNYA PEKA DAN SENTIASA MEMANTAU PERKEMBANGAN INDUSTRI HALAL. KAMI BERSEDIA UNTUK MEMBANTU PARA USAHAWAN YANG TERLIBAT DALAM PENGELUARAN DAN PENYEDIAAN PRODUK SERTA PERKHIDMATAN BERTERASKAN KONSEP HALAL UNTUK MEMPERTINGKAT DAN MEMAJUKAN LAGI INDUSTRI HALAL INI.

KONSEP HALAL BERKAIT RAPAT DENGAN PRODUK YANG BERKUALITI TINGGI DARI SEGI ASPEK KEBERSIHAN, SANITASI DAN PEMATUHAN TERHADAP SYARIAH AGAMA.

BILA KITA SEBUT “HALAL”, KITA SERING MENGAITKANNYA DENGAN PERINDUSTRIAN MAKANAN DAN MINUMAN. HAKIKATNYA, HALAL TERLETAK DI ATAS SPEKTRUM YANG AMAT LUAS MERANGKUMI PRODUK DAN PERKHIDMATAN YANG BOLEH DITAWARKAN TERMASUK PENJAGAAN KESIHATAN DAN FARMASEUTIKAL, KOSMETIK, LOGISTIK, PELANCONGAN, PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN PERBANKAN.

INDUSTRI HALAL DI MALAYSIA SEMEMANGNYA MENYEDIAKAN PELUANG YANG AMAT BESAR. MALAYSIA SUDAH TERKENAL

DALAM MEMBANGUNKAN STANDARD HALAL SELARAS DENGAN VISI UNTUK MENJADI HAB HALAL GLOBAL PADA TAHUN 2020.

DALAM SEKTOR MAKANAN SAHAJA, DIANGGARKAN NILAI POTENSI PASARAN MAKANAN HALAL GLOBAL MENYUMBANG AS\$560 BILION SETAHUN. PERBELANJAAN PENGGUNA ISLAM DUNIA DIJANGKA AKAN BERKEMBANG DARIPADA AS\$1.6 TRILION PADA 2012 KEPADA AS\$2.4 TRILION PADA 2018.

KPDNHEP JUGA MENGAMBIL BERAT DAN MEMNADANG SERIUS TERHADAP PENGGUNAAN LOGO HALAL PALSU DI KALANGAN PENGUSAHA KILANG PADA PENGELUARAN PRODUK MEREKA KHUSUSNYA PRODUK MAKANAN DAN MAKANAN MAHUPUN PARA PERUNCIT YANG MENJUALNYA. AGENSI PENGUATKUASA SERING MEMANTAU DAN GIAT MENJALANKAN SERBUAN UNTUK MEMASTIKAN SEGALA ARAHAN DAN PERATURAN DITURUTI.

BILA KITA SENTUH MENGENAI LOGO HALAL PALSU, SAYA PASTI SEGALA PRODUK DAN PERKHIDMATAN HALAL YANG BAKAL DIPROMOSI DAN DITAWARKAN DI HALFEST GIANT 2018 NANTI PASTI TERJAMIN KETULENAN STATUS HALALNYA DAN TANPA WAS-WAS.

HALFEST GIANT 2018 AKAN BERLANGSUNG DI SINI PADA 26 HINGGA 30 SEPTEMBER 2018, MENEMPATKAN 677 RUANG PAMERAN DENGAN ANGGARAN PENYERTAAN SERAMAI 550

PEMPAPER. SAYA AMAT TERUJA SYARIKAT DAN JENAMA-JENAMA BESAR SEPerti MCDONALDS DAN STARBUCKS SERTA PELBAGAI INSTITUSI KEWANGAN DAN SYARIKAT TAKAFUL AKAN TURUT SERTA BAGI MEMERIAHKAN HALFEST INI.

SAYA JUGA DIBERITAHU OLEH PIHAK SEKRETARIAT, DIJANGKAKAN SERAMAI 150,000 PENGUNJUNG DARI SEGENAP LAPISAN MASYARAKAT DAN LATAR BELAKANG EKONOMI BAKAL MENGUNJUNGI HALFEST GIANT 2018. PELBAGAI AKTIVITI SAMPINGAN MENARIK TELAH DIRANCANG UNTUK PARA PENGUNJUNG HALFEST GIANT 2018.

EKSPO INI JUGA AKAN MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN TROLI SECARA PERCUMA BAGI MEMUDAHKAN PARA PENGUNJUNG TERUTAMA MEREKA YANG DATANG DENGAN KELUARGA UNTUK MEMBELI BELAH DENGAN SELESA. INI SECARA TIDAK LANGSUNG, AKAN MELANCARKAN URUSAN JUAL BELI DI EKSPo.

OLEH ITU, SAYA BERHARAP DAN MENYERU KEPADA PARA USAHAWAN IKS YANG TURUT HADIR PADA HARI INI, AGAR TIDAK MELEPASKAN PELUANG KEEMASAN INI DAN TURUT SERTA DALAM HALFEST GIANT 2018 BAGI MEMPERKENALKAN DAN MEMPROMOSIKAN PRODUK HALAL ANDA.

SAYA JUGA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA GCH RETAIL (MALAYSIA)

SELAKU PEMILIK RANGKAIAN PASARAYA BESAR GIANT DI SERATA MALAYSIA, DI ATAS PENGLIBATAN ANDA DALAM PENGANJURAN EKSPLO KONSUMER SEBESAR INI DAN KOLABORASI INI AKAN DITERUSKAN DI BUAT TAHUN-TAHUN YANG AKAN DATANG.

USAHA MURNI SEBEGINI TERUTAMA DARI SEKTOR SWASTA AMAT KAMI ALU-ALUKAN DAN HARGAI. IA MENCERMINKAN KOMITMEN DAN KEPRIHATINAN ANDA TERHADAP PENTINGNYA “HALAL CONSUMERISM” DAN MEMBOLEHKAN PARA PENGUSAHA IKS YANG BERNAUNG DI BAWAH GIANT HYPERMARKET KHASNYA MEMPAMERKAN JENAMA BARANGAN DAN PERKHIDMATAN MEREKA TERUS KEPADA PELANGGAN.

ADALAH BESAR HARAPAN SAYA UNTUK MELIHAT HALFEST GIANT 2018 BERJALAN LANCAR DENGAN JAYANYA. SEKALI LAGI, SAYA UCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA GIANT DAN SHAPERS KERANA SUDI MENJEMPUT SAYA PADA HARI NI.

DENGAN UCAPAN BISMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM, SAYA MERASMIKAN MAJLIS PELANCARAN HALFEST GIANT 2018.

WABILLAH TAUFIQ WAL HIDAYAH WASSAMULAIKUM WARAHMATULLAHI WA BARAKATUH.